

18 AUG 1996

Moggie-PBDS

PBDS LETAK DUA MUKA BARU PADA PILIHAN RAYA NEGERI

KUCHING, 18 Ogos (Bernama) -- Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) akan meletakkan lapan calon, termasuk dua muka baru, pada pilihan raya negeri Sarawak akan datang, kata presiden parti Datuk Leo Moggie hari ini.

Seorang daripada muka baru itu akan menggantikan Timbalan Presiden PBDS Datuk Daniel Tajem yang tidak mahu bertanding semula pada pilihan raya negeri itu.

"Kedua-dua muka baru itu adalah golongan profesional dan mempunyai pengalaman perniagaan dan mereka dari sektor swasta," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi PBDS di ibu pejabat parti di sini.

Beliau berkata nama mereka akan diumumkan Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud selepas senarai calon Barisan Nasional dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada akhir bulan ini.

Mengenai pengganti Tajem, Moggie said, "Dia (Tajem) mengenali dan selesa dengan penggantinya itu."

Tajem, 59, bekas Timbalan Ketua Menteri Sarawak dan Anggota Dewan Undangan Negeri Bukit Begunan, kini Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke New

Mengenai persiapan PBDS menghadapi pilihan raya negeri itu, Moggie berkata naib presiden parti, Dr James Masing telah dilantik sebagai pengarah operasi PBDS semasa pilihan raya itu kelak.

Beliau berkata Majlis Tertinggi parti juga menerima perletakan jawatan anggotanya Sim Choo Nam yang bertanding di kawasan Engkilili pada pilihan raya negeri lepas. Tiada sebab diberikan.

Pada pilihan raya negeri lepas, Sim ditewaskan oleh Toh Eng San dari Parti Bersatu Rakyat Sarawak (Supp).

-- BERNAMA

RDY AHH